



ENGLISH

Terms and Conditions for 'Etiqa Inspires IWD Contest'

1. This Contest Terms & Conditions shall govern the Etiqa Inspires IWD Contest ("Contest") that is organised by Maybank Ageas Holdings Berhad ("the Organiser" or "Etiqa").
2. By participating in this Contest, the Participants:
 - (a) agree to be bound by the Terms and Conditions;
 - (b) agree that all submissions captured by Etiqa's system within the Contest Period based on the local date and time shall be accurate and conclusive;
 - (c) agree that Etiqa's decision on all matters relating to the Contest shall be final and binding on all Participants. No further appeal or further correspondence will be entertained;
 - (d) consent for Etiqa to disclose their particulars to the third party service provider(s)/ authorised supplier(s) including vendors, suppliers, advertising and promotion agencies engaged by Etiqa for the purpose of contacting them during and after the Contest;
 - (e) authorise Etiqa to publish their names, photos taken or other information provided by him/her for current and future advertising and publicity purposes in any advertising or publicity material relating to the Contest without any compensation;
 - (f) shall not be entitled to claim for and waive any rights to any compensation against Etiqa nor any of its officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by Etiqa for the purposes of the Contest) for any and all loss and damage suffered or incurred by his/her participation in the Contest whether as a direct or indirect result of the act of amendments, termination or suspension of the Contest.
 - (g) shall not dispute nor make any oral or written complaints, public announcements or statements on the same whether during or after the Contest Period.

Contest Mechanics:

3. This Contest will commence on 4 March 2024 at 11:00 AM MYT until 9 March 2024 at 11:59 PM MYT ("Contest Period"). Entries received outside of the Contest Period will be disqualified and be deemed ineligible for consideration of Prizes.
4. This contest will be conducted in TWO (2) Rounds. The Running Period for each round is as below:

Round 1 : 4 March 2024 at 11:00 AM MYT until 6 March 2024 at 11:59 PM MYT.

Round 2 : 7 March 2024 at 11:00 AM MYT until 9 March 2024 at 11:59 PM MYT.
5. The Participant has to adhere to the following Contest Steps for his/her entry to be qualified as an eligible solution:

Step 1 : LIKE the contest post
Step 2 : Answer the question and hashtag #EtiqaInspiresIWD
6. The Participant can choose to participate in the Contest via Etiqa's Facebook or Etiqa's Instagram.



7. In each Round, FIVE (5) eligible Participants with the correct answer will randomly be selected as the Winners.
8. By the end of the Contest Period, there will be a total of TEN (10) Winners.

Eligibility:

9. This Contest is open to Malaysian citizens aged 18 and above only.
10. This Contest can only be participated via Etiqa's Facebook or Etiqa's Instagram.
11. Multiple submissions by the same Participant for the Contest are allowed but each Participant will be only selected as the Winner once.
12. Members of the Organising Team and the Jury Panel, including their immediate family member, are not eligible for participation in this contest.

Prizes:

13. The Winners of each Round will receive the following prize:
RM20 TnG eWallet Credits
14. Winners will have to send their details (Full Name as per MyKad and Mobile Number) by "Private Message (PM)" through Etiqa's Facebook or "Direct Message (DM)" through Etiqa's Instagram within 3 days of the winner announcement post to the Organiser.
15. If any of the Winners fails to PM/DM his/her details to the Organiser within 3 days of the winner announcement post, the Organiser reserves the right to select a replacement.
16. Winners are responsible for any and all taxes payable as a result of a Prize being awarded (if applicable).
17. The Prize will only be delivered to each Winner once. Any failure to accept or receive the delivery will not be reimbursed and requests to collect the prize will not be entertained.
18. The Organiser reserves the right to replace the Prizes with any item of equivalent value without prior notice. All prizes are not transferable, refundable, and/or exchangeable for cash, credit, or any other items and will be given on an "as is" basis.

Etiqa Privacy Notice

19. By participating in the Contest, Participants agree and consent to allow his/her personal data being collected, processed and used by Etiqa in accordance with Etiqa Privacy Notice, which may be viewed on www.etiqa.com.my ("Etiqa's Privacy Notice").
20. In addition and without prejudice to the terms in the Etiqa's Privacy Notice, subject to Participants' instruction in writing to Etiqa restricting disclosure (if any) for the purposes of marketing activities, Participants agree and consent to his/her personal data or information being collected, processed and used by Etiqa for:
 - (a) the purposes of the Contest; and
 - (b) marketing and promotional activities conducted in such manner as Etiqa deems fit in any media including but not limited to any form of advertising or publicity media and materials such as audio and/or visual recordings published through newspapers, television networks, radio stations or online and digital media and on the Internet, without further express consent from the Participant. Marketing and promotion activities include but are not limited to the use and/or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interview material as well as responses and related photographs. In this regard, each Participant agrees to co-operate and participate without further express consent and/or payment or consideration, in all reasonable advertising and publicity activities of Etiqa in relation to the Contest.
21. Etiqa reserves the right to:
 - (a) disqualify any non-eligible Participant at its sole discretion from participating in the Contest;
 - (b) withdraw/cancel, suspend, extend or terminate the Contest earlier in whole or in part, and/or to vary, supplement, add, delete, modify or amend the terms and conditions herein, wholly or in part at its sole discretion, by way of posting on www.etiqa.com.my, or in other methods which Etiqa deems practical, by giving reasonable prior notice to the Participants on such addition, deletion or amendment of the Terms and Conditions or termination of the Contest.
22. Etiqa and any of its officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by Etiqa for the purposes of the Contest) shall not be liable and responsible for any direct, indirect, special or consequential loss, damage or injury in any manner whatsoever suffered or caused by Participants (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill) arising from or in connection with the Contest and/or use of the Prize(s); and any default of its obligation under the Contest due to any force majeure event which include but not limited to acts of God, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, pandemic or any event beyond the reasonable control of Etiqa.
23. The Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Participants agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

BAHASA MELAYU

Terma dan Syarat 'Peraduan Etiqa Inspires IWD'

1. Peraduan Etiqa Inspires IWD ("Peraduan") dianjurkan oleh Maybank Ageas Holdings Berhad ("Penganjur" atau "Etiqa") dan akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil dalam Peraduan ini, Peserta:
 - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini; bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Peraduan ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - (b) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - (c) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Peraduan;
 - (d) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Peraduan ini tanpa sebarang pampasan;
 - (e) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Peraduan ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Peraduan ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Peraduan ini.
 - (f) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Peraduan.

Pelaksanaan Peraduan:

3. Peraduan ini akan bermula pada 4 Mac 2024 pada jam 11.00 AM MYT dan berakhir pada 9 Mac 2024 pada jam 11:59 PM MYT ("Tempoh Peraduan").
4. Peraduan ini terdiri daripada DUA (2) Pusingan yang akan berlangsung mengikut tarikh-tarikh berikut:

Pusingan 1: 4 Mac 2024 pada 11:00 AM MYT hingga 6 Mac 2024 pada 11:59 PM MYT.

Pusingan 2: 7 Mac 2024 pada 11:00 AM MYT hingga 9 Mac 2024 pada 11:59 PM MYT.
5. Peserta perlu mematuhi Langkah-langkah Peraduan berikut agar penyertaannya dianggap layak dan memenuhi syarat:

Langkah 1	: LIKE post peraduan
Langkah 2	: Jawab soalan dan sertakan tanda pagar #EtiqaInspiresIWD
6. Peserta boleh menyertai Peraduan ini sama ada melalui Facebook Etiqa atau Instagram Etiqa.

7. Dalam setiap Pusingan, LIMA (5) orang Peserta yang layak dan memberikan jawapan yang betul akan dipilih sebagai Pemenang secara rawak.
8. SEPULUH (10) orang Pemenang akan dipilih pada akhir Peraduan.

Kelayakan:

9. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.
10. Peraduan ini hanya boleh disertai melalui Facebook atau Instagram Etiqa.
11. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu penyertaan untuk Peraduan ini tetapi setiap Peserta hanya akan dipilih sebagai Pemenang sekali sahaja.
12. Ahli Jawatankuasa Penganjuran Peraduan ini dan Panel Juri, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

Hadiah:

13. Pemenang untuk setiap Pusingan akan menerima hadiah berikut:

RM20 Kredit eWallet TnG

14. Pemenang dikehendaki untuk menghantar butiran mereka (Nama Penuh dan Nombor Telefon) melalui "Private Message (PM)" di Facebook Etiqa atau "Direct Message (DM)" di Instagram Etiqa dalam masa 3 hari selepas pengumuman pemenang.
15. Jika ada Pemenang yang tidak menghantar butiran mereka kepada Penganjur dalam masa 3 hari selepas pengumuman pemenang, Penganjur berhak untuk memilih Pemenang lain.
16. Pemenang adalah bertanggungjawab atas semua cukai yang dikenakan ke atas Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).
17. Hadiah hanya akan dihantarkan kepada Pemenang sekali sahaja. Jika Pemenang gagal untuk menerima Hadiah, tiada sebarang gantian atau pampasan yang akan diberikan, dan permintaan untuk mengambil Hadiah tidak akan dilayan.
18. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Notis Privasi Etiqa

19. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di www.etiqa.com.my ("Notis Privasi").
20. Di samping itu, tanpa menjejaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur untuk:
 - (a) tujuan-tujuan Peraduan ini;
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Peraduan ini.
21. Etiqa berhak untuk:
 - (a) mengikut budi bicara mutlaknya untuk tidak melayakkan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki secara munasabah yang mengganggu Peraduan dan/atau prosesnya atau operasi Peraduan ini. Gangguan akan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau muslihat dan/atau penipuan yang berkaitan dengan Peraduan ini;
 - (b) menarik, membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Peraduan lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Penganjur juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di www.etiqa.com.my atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
22. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Peraduan ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Peraduan ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Peraduan ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.
23. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.